

Bil.(57)dlm. JK/IP. 39/54-A.

Jabatan Kehakiman,
Mahkamah Persekutuan,
Jalan Raja,
KUALA LUMPUR 01-02.

hb. Oktober, 1980.

Semua Yang Di Pertua, Mahkamah Sesyen,
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi,
Semua Majistret, Mahkamah Majistret,
Dalam Semenanjung Malaysia.

Dato/Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil.(A) 19/80:
Penempatan Pegawai-Pegawai Baru dan
Pertukaran-Pertukaran Pegawai.

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa seperti biasa Pegawai-Pegawai baru seperti Majistret, Penterjemah, Kerani, Jurutaip dan lain-lain sering ditempatkan dipejabat-pejabat kita dengan tujuan mengisi kekosongan jawatan yang ada atau akibat daripada pertukaran atau persaraan, dan disamping itu pertukaran pegawai-pegawai selalu jua berlaku dipejabat-pejabat kita.

2. Bagi pegawai-pegawai baru, keadaan dipejabat-pejabat kita, tempat mereka bekerja sudah pasti menimbulkan suatu keadaan yang baru kepada mereka. Mereka masih mentah dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Oleh itu pegawai yang ada dipejabat kita, terutamanya yang tahu dan faham dengan kerja yang hendak dibuat oleh pegawai yang baru itu, hendaklah memberi bimbingan kepada mereka supaya kegunaan segenap anggota yang diadakan dapat digunakan dan penghasilan kerja yang lebih tinggi mutunya dapat dilaksanakan.

3. Bagi pegawai-pegawai yang ditempatkan hasil daripada pertukaran, mereka hendaklah diberi "briefing" yang lengkap oleh pegawai-pegawai yang ditukarkan supaya mereka faham menjalankan tugas-tugas mereka.

Demikian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

T.T.

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar,

ARMN/Ft.